



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Ekonomi (944)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11 842 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 59.82%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	12.41	7.10	10.45	8.18	7.19	8.54	5.95	8.33	6.67	7.96	17.22

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	B
2	B	12	D
3	B	13	D
4	C	14	D
5	B	15	C
6	D	16	A
7	C	17	C
8	A	18	D
9	D	19	B
10	B	20	B

BAHAGIAN B DAN C: *Esei Dan Kuantitatif*

Komen am

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah memuaskan. Sebahagian kecil sahaja calon yang dapat memberikan jawapan dengan baik berdasarkan soalan-soalan yang diberikan. Sebahagian lagi calon tidak dapat memberikan jawapan dengan baik. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Terdapat ramai calon yang gagal menguasai konsep asas mikroekonomi dengan baik.


Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei

Soalan 21

Soalan (a) menghendaki calon menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) yang mempunyai kos lepas malar untuk menghuraikan keadaan pengeluaran yang tidak cekap dengan menggunakan gambarajah.


Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Titik *S* berada di bawah KKP merupakan kombinasi pengeluaran yang tidak cekap dan wujud pembaziran atau pengangguran.

Soalan (b) menghendaki calon menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) yang mempunyai kos lepas malar untuk menghuraikan keadaan pengeluaran yang tidak boleh dicapai dengan menggunakan gambarajah.


Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Titik T berada di luar KKP merupakan kombinasi pengeluaran yang tidak boleh dicapai. Titik T wujud kerana sumber ekonomi tidak mencukupi atau tiada penemuan sumber baharu.

Soalan (c) menghendaki calon menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) yang mempunyai kos lepas malar untuk menghuraikan pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan gambar rajah.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Pertumbuhan ekonomi disebabkan oleh peningkatan produktiviti sumber ekonomi atau peningkatan daya pengeluaran. Pertumbuhan ekonomi menyebabkan pengeluaran kedua-dua barang bertambah. Maka, KKP beralih ke atas dari K_0T_0 ke K_1T_1 .

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.


Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon melabelkan paksi menegak sebagai harga atau kos dan paksi melintang sebagai kuantiti atau output.
- Calon mengaitkan kombinasi di luar KKP dengan sumber ekonomi terhad. Jawapan sepatutnya ialah sumber ekonomi tidak mencukupi.
- Calon melukis KKP berbentuk cembung. Dalam tugas soalan jelas meminta calon untuk menggunakan KKP yang mempunyai kos lepas malar, iaitu KKP bergaris lurus.
- Calon gagal melukis KKP semasa keadaan pertumbuhan ekonomi. Calon menjelaskan pertumbuhan ekonomi berlaku pada kombinasi di sepanjang KKP, iaitu pada tingkat guna tenaga penuh.

Soalan 22

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan tiket kapal terbang syarikat X sekiranya pesaing syarikat X meningkatkan harga tiket penerbangan di pasaran dengan menggunakan gambar rajah.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:




Keseimbangan asal tercapai di E_0 apabila $D_0D_0 = S_0S_0$ pada harga P_0 dan kuantiti Q_0 . Apabila pesaing syarikat X menaikkan harga tiket penerbangan di pasaran, kuantiti permintaan tiket kapal terbang pesaing berkurang. Permintaan tiket kapal terbang syarikat X meningkat. Keluk permintaan syarikat X akan beralih ke kanan dari D_0D_0 ke D_1D_1 . Keseimbangan baharu tercapai di E_1 apabila $D_1D_1 = S_0S_0$ pada tingkat harga yang baharu, iaitu P_1 dan kuantiti baharu, iaitu Q_1 . Harga naik dari P_0 ke P_1 dan kuantiti naik dari Q_0 ke Q_1 .

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat melukis keluk yang betul dan tepat. Calon juga dapat memberikan huraian keluk dengan tepat. Namun terdapat calon yang tidak melukis keluk keseimbangan pasaran. Calon hanya melukis keluk permintaan asal dan alihan keluk permintaan ke kanan sahaja tanpa melukis keluk penawaran. Terdapat juga calon yang membuat alihan keluk yang salah, iaitu mengalihkan keluk permintaan ke kiri. Calon juga tertukar label antara keluk permintaan dengan keluk penawaran. Calon juga melabelkan paksi menegak sebagai hasil dan kos, manakala paksi melintang sebagai keluaran.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan tiket kapal terbang syarikat X sekiranya pihak kesatuan sekerja syarikat X telah berjaya menuntut gaji lebih tinggi daripada pihak pengurusan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:




Keseimbangan asal tercapai di E_0 apabila $D_0D_0 = S_0S_0$ pada harga P_0 dan kuantiti Q_0 . Apabila pihak kesatuan sekerja syarikat X telah berjaya menuntut gaji lebih tinggi daripada pihak pengurusan, ini menyebabkan kos meningkat. Maka keluk penawaran beralih ke kiri dari S_0S_0 ke S_1S_1 . Keseimbangan baharu tercapai di E_1 apabila $D_1D_1 = S_0S_0$ pada tingkat harga yang baharu, iaitu P_1 dan kuantiti baharu iaitu, Q_1 . Harga naik dari P_0 ke P_1 , manakala kuantiti turun dari Q_0 ke Q_1 .

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat melukis keluk yang betul dan tepat. Calon juga dapat memberikan huraian keluk dengan tepat. Namun terdapat calon yang melabelkan paksi menegak sebagai gaji manakala paksi melintang sebagai kuantiti buruh. Huraian calon juga kurang memuaskan kerana calon menghuraikan kesan perubahan gaji kepada permintaan dan penawaran buruh.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kesan subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada pengeluar terhadap harga, kuantiti keseimbangan, dan lebihan pengguna dengan menggunakan gambar rajah.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Keseimbangan asal tercapai di E_0 apabila $D_0D_0 = S_0S_0$ pada harga P_0 dan kuantiti Q_0 . Lebih pengguna asal ialah $P_0P_2E_0$. Pemberian subsidi oleh kerajaan menyebabkan kos pengeluaran berkurang. Keluk penawaran beralih ke kanan dari S_0S_0 ke S_1S_1 . Keseimbangan baharu tercapai di E_1 apabila $D_0D_0 = S_1S_1$. Harga turun dari P_0 ke P_1 dan kuantiti naik dari Q_0 ke Q_1 . Lebih pengguna bertambah dari $P_0P_2E_0$ ke $P_1P_2E_1$ atau lebih pengguna bertambah sebanyak $P_1P_0E_0E_1$.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat melukis keseimbangan asal dan peralihan keluk penawaran ke kanan dengan tepat. Namun terdapat sebilangan kecil calon yang tidak menyatakan kesan subsidi menyebabkan kos pengeluaran berkurang. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan 24

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan bagaimana ekonomi pengkhususan dan ekonomi teknikal mempengaruhi kos purata jangka panjang.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Ekonomi pengkhususan merupakan pembahagian kerja dalam proses pengeluaran. Ekonomi pengkhususan dapat meningkatkan kemahiran dan kecekapan buruh. Kesannya, jumlah keluaran dapat dikeluarkan dengan kos purata yang lebih rendah. Ini menyebabkan kos purata jangka panjang menurun.

Ekonomi teknikal merupakan penggunaan jentera berteknologi tinggi dalam pengeluaran secara besar-besaran. Ekonomi teknikal dapat mempercepat proses pengeluaran sehingga mencapai tingkat kapasiti yang maksimum dan menjimatkan kos atau menjimatkan penggunaan input. Kesannya, jumlah keluaran dapat dikeluarkan dengan kos purata yang lebih rendah. Ini menyebabkan kos purata jangka panjang menurun.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menjelaskan maksud pengkhususan yang dilakukan oleh firma, iaitu pembahagian kerja dalam proses pengeluaran.
- Calon tidak menyatakan kesan selepas pengkhususan, iaitu jumlah keluaran dapat dikeluarkan dengan kos purata yang lebih rendah.
- Calon tidak menjelaskan maksud ekonomi teknikal, iaitu penggunaan jentera berteknologi tinggi dalam pengeluaran secara besar-besaran.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan bagaimana tak ekonomi pengkhususan dan tak ekonomi teknikal mempengaruhi kos purata jangka panjang.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tak ekonomi pengkhususan wujud apabila pengkhususan yang keterlaluan akan menimbulkan kesan negatif kerana pekerja akan melakukan sesuatu tugas secara berulang-ulang. Ini menyebabkan pekerja akan berasa bosan sehingga menyebabkan produktiviti berkurangan dan kualiti berkurangan sehingga meningkatkan kos purata firma dalam jangka panjang. Ini menyebabkan kos purata jangka panjang meningkat.

Tak ekonomi teknikal wujud apabila berlaku kerosakan mesin atau peralatan akibat pengeluaran secara besar-besaran dan akan menjejaskan proses pengeluaran. Kos untuk membaiki mesin juga meningkat. Ini menyebabkan kos purata jangka panjang meningkat.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon menjelaskan firma bersaiz besar sukar untuk melaksanakan pengkhususan. Maka tak ekonomi pengkhususan berlaku.
- Calon menjelaskan firma berada jauh dari kawasan perindustrian menyebabkan latihan pengkhususan dan pembangunan buruh tidak dapat diberikan menyebabkan tak ekonomi pengkhususan berlaku.
- Calon tidak menjelaskan apabila berlaku kerosakan mesin, firma perlu membaiki mesin tersebut atau akan menyebabkan kecekapan berkurang.

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan lima ciri pasaran monopoli.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (i) Bilangan firma tunggal
Hanya terdapat satu firma sahaja di pasaran.
- (ii) Jenis barang tiada pengganti
Jenis barang yang dikeluarkan adalah bersifat tiada pengganti di pasaran.
- (iii) Terdapat halangan keluar masuk pasaran
Firma lain tidak dibenarkan masuk ke dalam pasaran. Antara sebab sekatan ialah faktor teknologi, faktor modal atau kewangan yang besar, pemilihan sumber atau dasar kerajaan yang memberikan lesen atau kebenaran beroperasi sebagai pemonopoli di pasaran.

- (iv) Mempunyai kuasa mempengaruhi harga

Firma monopoli ialah penentu harga. Ini menyebabkan keluk permintaan firma ini bercerun negatif.

- (v) Tiada amalan persaingan bukan harga

Firma tidak perlu mengamalkan aktiviti persaingan bukan harga kerana hanya terdapat satu firma di pasaran.

Kebanyakan calon dapat memberikan ciri monopoli dengan baik. Namun terdapat ramai calon yang gagal menghuraikan sebab terdapat halangan keluar masuk pasaran. Calon hanya menyatakan firma tidak bebas keluar masuk dalam pasaran tanpa memberikan sebabnya. Begitu juga dengan fakta tiada amalan persaingan bukan harga. Calon gagal menghuraikan fakta tersebut.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan empat cara kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah.

Calon seharusnya memberikan mana-mana empat jawapan seperti yang berikut:

- (i) Meningkatkan daya pengeluaran sut buruh

Daya pengeluaran sut buruh boleh ditingkatkan dengan memberikan latihan seperti latihan meningkatkan kemahiran dan penggunaan teknologi moden. Apabila daya pengeluaran sut dapat ditingkatkan, kesatuan sekerja dapat menuntut kenaikan upah.

- (ii) Mengurangkan atau mengehadkan penawaran buruh

Penawaran buruh boleh dikurangkan dengan memanjangkan tempoh latihan buruh, menyekat kemasukan buruh asing, mengetatkan syarat keahlian kesatuan sekerja, mengenakan kuota keahlian kesatuan sekerja, dan meningkatkan umur persaraan wajib.

- (iii) Menetapkan atau menuntut upah minimum

Perbincangan antara majikan atau kerajaan dengan kesatuan sekerja untuk menuntut upah yang lebih tinggi daripada tingkat upah di pasaran.

- (iv) Perundingan kolektif

Proses tawar menawar antara pihak kesatuan sekerja dengan pihak majikan untuk mencapai persetujuan tentang tingkat upah dan syarat pekerjaan yang lebih baik.

- (v) Mogok

Ahli atau pekerja memberhentikan aktiviti pengeluaran untuk menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap tingkat gaji yang diterima. Ini dilakukan setelah perundingan kolektif gagal.

- (vi) Piket

Pekerja berdiri atau berarak di hadapan premis perniagaan bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang rungutan pekerja atau apa-apa bentuk bantahan.

Kebanyakan calon dapat memberikan cara kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah. Namun calon gagal menghuraikan jawapan dengan baik cara kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah terutama bagi fakta meningkatkan daya pengeluaran sut buruh dan mengehadkan penawaran buruh. Calon gagal menghuraikan bagaimana cara untuk meningkatkan daya pengeluaran sut buruh. Mereka hanya menghuraikan daya pengeluaran sut buruh akan menyebabkan tuntutan kenaikan upah akan berjaya. Begitu juga dengan fakta mengehadkan penawaran buruh di mana mereka tidak menerangkan

bagaimana cara meneghadkan penawaran buruh. Terdapat juga calon yang melukis gambar rajah keseimbangan dalam pasaran buruh untuk menguatkan jawapan.

Soalan 27

Soalan (a) menghendaki calon menghitung harga dan kuantiti keseimbangan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$40 - 0.3Q = 10 + 0.2Q$$

$$0.5Q = 30$$

$$Q = 30/0.5$$

$$= 60 \text{ kg}$$

Gantikan $Q = 60$ dalam persamaan

$$P = 10 + 0.2(60)$$

$$= 10 + 12$$

$$= \text{RM}22$$

Harga ialah RM22 dan kuantiti keseimbangan ialah 60 kg.

Soalan (b) menghendaki calon menghitung lebihan pengeluar pada harga keseimbangan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Lebihan pengeluar} = \frac{1}{2} \times 60 \times 12$$

$$= \text{RM}360$$

Soalan (c)(i) menghendaki calon menghitung harga dan kuantiti keseimbangan jika kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM2/kg kepada pengeluar.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$P = 40 - 0.3Q$$

$$P = 10 + 0.2Q - 2$$

$$= 8 + 0.2Q$$

$$8 + 0.2Q = 40 - 0.3Q$$

$$0.5Q = 32$$

$$Q = 32/0.5$$

$$= 64 \text{ kg}$$

$$P = 8 + 0.2(64)$$

$$= 8 + 12.80$$

$$= \text{RM}20.80$$

Soalan (c)(ii) menghendaki calon menghitung lebihan pengeluar pada harga keseimbangan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Lebihan pengeluar baharu} = \frac{1}{2} \times 64 \times 12.8$$

$$= \text{RM}409.60$$

Soalan (c)(ii) menghendaki calon menyatakan kesan dasar tersebut terhadap pasaran ayam.

Calon seharusnya memberikan mana-mana jawapan seperti yang berikut:

- Kuantiti keseimbangan bertambah
- Harga keseimbangan turun
- Keluk penawaran beralih ke kanan
- Lebihan pengeluaran meningkat
- Lebihan pengguna meningkat

Kebanyakan calon dapat menghitung harga dan kuantiti keseimbangan asal dengan tepat tetapi gagal menghitung lebihan pengguna. Terdapat juga calon yang dapat memberikan rumus yang betul tetapi gagal memberikan nilai yang betul. Calon keliru dengan konsep lebihan pengeluaran dan lebihan pengguna. Calon juga menulis 'unit' bukan 'kg' bagi nilai kuantiti. Ini juga telah menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan 28

Soalan (a) menghendaki calon menghitung jumlah hasil, hasil sut, dan hasil purata pada setiap tingkat kuantiti bagi firma A dan bagi firma B.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Firma A

Kuantiti (unit)	Harga (RM)	Jumlah hasil (RM)	Hasil sut (RM)	Hasil purata (RM)
0	50	0	–	–
1	50	50	50	50
2	50	100	50	50
3	50	150	50	50
4	50	200	50	50
5	50	250	50	50

Firma B

Kuantiti (unit)	Harga (RM)	Jumlah hasil (RM)	Hasil sut (RM)	Hasil purata (RM)
0	100	0	–	–
1	90	90	90	90
2	80	160	70	80
3	70	210	50	70
4	60	240	30	60
5	50	250	10	50

Soalan (b)(i) menghendaki calon menyatakan struktur pasaran X bagi firma A serta memberikan penjelasan terhadap jawapan yang diberikan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Firma A ialah pasaran persaingan sempurna kerana $P = AR = MR$ di mana harga sama pada setiap tingkat keluaran.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menyatakan struktur pasaran Y bagi firma B serta memberikan penjelasan terhadap jawapan yang diberikan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Firma B ialah pasaran monopoli atau pasaran persaingan bermonopoli kerana $AR > MR$ di mana harga berbeza pada setiap tingkat keluaran.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak membuat jadual untuk menunjukkan jumlah hasil, hasil purata, dan hasil sut bagi setiap tingkat kuantiti.
- Calon tidak menulis unit ukuran seperti RM dalam jadual.
- Calon memberikan jawapan pada soalan 28(a) dalam bentuk jadual tetapi calon tidak meletakkan lajur kuantiti.
- Calon berjaya menyatakan struktur pasaran bagi firma A dan struktur pasaran bagi firma B , namun calon tidak dapat menjelaskan sebab firma A ialah pasaran persaingan sempurna dan firma B ialah pasaran monopoli atau pasaran persaingan bermonopoli.

Soalan 29

Soalan (a) menghendaki calon menghitung keluaran sut dan keluaran hasil sut.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran sut (unit)	Keluaran hasil sut (RM)
1	9	9	45
2	22	13	65
3	36	14	70
4	52	16	80
5	67	15	75
6	80	13	65
7	90	10	50
8	99	9	45

Soalan (b) menghendaki calon menentukan tingkat keseimbangan buruh.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Keseimbangan: $MRP = \text{upah} = \text{RM}50$ atau $MRP = MCF$, iaitu pada penggunaan buruh sebanyak 7 orang.

Soalan (c) menghendaki calon menghitung keuntungan firma pada tingkat keseimbangan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Untung} &= \text{Jumlah Hasil} - \text{Jumlah Kos} \\ \text{Jumlah Hasil} &= P \times Q = 90 \times \text{RM}5 = \text{RM}450 \\ \text{Jumlah Kos} &= \text{Upah} \times \text{Bilangan buruh digunakan} \\ &= \text{RM}50 \times 7 = \text{RM}350 \\ \text{Untung} &= \text{RM}450 - \text{RM}350 \\ &= \text{RM}100\end{aligned}$$

Soalan (d) menghendaki calon menentukan tingkat keseimbangan buruh yang baharu.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Kenaikan upah} &= \frac{40}{100} \times \text{RM}50 \\ &= \text{RM}20 \\ \text{Upah selepas kenaikan} &= \text{RM}50 + \text{RM}20 = \text{RM}70\end{aligned}$$

Keseimbangan berlaku apabila $MRP = \text{upah} = \text{RM}70$, iaitu pada penggunaan buruh sebanyak 3 orang.

Kebanyakan calon dapat menyatakan syarat keseimbangan penggunaan buruh. Ramai calon gagal menghitung keluaran sut dan keluaran hasil sut dengan betul. Mereka gagal menggunakan rumus yang betul. Masih ramai calon yang mengabaikan unit pada jawapan, iaitu unit, RM, dan orang. Terdapat juga calon yang tidak menyediakan kolum buruh pada jadual jawapan.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menyatakan unit ukuran dengan betul. Jawapan sepatutnya keluaran sut (unit) namun calon menyatakan keluaran sut (RM).
- Calon memberikan jawapan pada soalan 29(a) dalam bentuk jadual tetapi calon tidak meletakkan lajur buruh.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 10 791 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 45.27%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	7.07	4.70	4.65	6.77	6.51	7.72	7.85	8.71	7.15	9.43	29.44

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	A
2	C	12	C
3	D	13	B
4	B	14	D
5	D	15	C
6	A	16	B
7	B	17	D
8	C	18	A
9	B	19	C
10	C	20	B

BAHAGIAN B DAN C: *Esei Dan Kuantitatif*

Komen am

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah sederhana baik. Kebanyakan calon dapat merangka dan merancang jawapan dengan baik dan calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan betul. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan dengan baik disebabkan kelemahan calon dalam memberikan fakta yang tepat serta aspek penghuraian yang lemah di samping kelemahan semasa melukis dan menghuraikan gambar rajah.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei

Soalan 21

Soalan (a) menghendaki calon mentakrifkan keluaran negara kasar (KNK) potensi dan keluaran negara kasar (KNK) sebenar.


Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

KNK potensi ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir yang boleh dicapai pada tingkat guna tenaga penuh. Atau, KNK yang boleh dicapai pada tingkat guna tenaga penuh. Atau, jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir yang boleh dicapai sekiranya semua faktor pengeluaran digunakan dalam sesebuah ekonomi. Atau, KNK yang boleh dicapai sekiranya semua faktor pengeluaran digunakan dalam sesebuah ekonomi.

KNK sebenar ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir yang sebenarnya dihasilkan oleh sesebuah negara. Atau, KNK yang sebenarnya dicapai dalam sesebuah ekonomi.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan hubungan antara keluaran negara kasar potensi dengan keluaran negara kasar sebenar dalam konteks keadaan ekonomi di sesebuah negara dengan menggunakan gambar rajah.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Pada T_1 : KNK sebenar lebih besar daripada KNK potensi dan KNK sebenar berada pada tahap paling tinggi. Berlaku pengembangan ekonomi dan kegiatan ekonomi sangat pesat atau kadar pertumbuhan ekonomi sangat tinggi dan kadar inflasi yang sangat tinggi dan kadar pengangguran sangat rendah.

Dari T_1 ke T_2 : KNK sebenar menurun tetapi lebih besar daripada KNK potensi. Berlaku kemerosotan ekonomi dan kegiatan ekonomi semakin perlahan atau kadar pertumbuhan ekonomi menurun tetapi masih positif dan kadar inflasi menurun dan kadar pengangguran mula meningkat.

Pada T_2 : KNK sebenar sama dengan KNK potensi. Ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh dan berlaku kestabilan ekonomi atau kadar inflasi dan kadar pengangguran kurang dari 4%.

Dari T_2 ke T_3 : KNK sebenar menurun dan lebih kecil daripada KNK potensi atau KNK sebenar berada di bawah KNK potensi. Berlaku kemelesetan ekonomi, kegiatan ekonomi menurun atau kadar pertumbuhan ekonomi negatif dan kadar inflasi menurun dan kadar pengangguran meningkat.

Pada T_3 : KNK sebenar lebih kecil daripada KNK potensi dan KNK sebenar berada pada tahap paling rendah. Berlaku kemelesetan ekonomi, kegiatan ekonomi menurun atau kadar pertumbuhan ekonomi negatif dan kadar inflasi sangat rendah dan kadar pengangguran sangat tinggi.

Dari T_3 ke T_4 : KNK sebenar meningkat tetapi lebih kecil daripada KNK potensi atau berada di bawah KNK potensi. Berlaku pemulihan ekonomi dan kegiatan ekonomi semakin meningkat atau kadar pertumbuhan ekonomi meningkat tetapi masih negatif dan kadar inflasi mula meningkat dan kadar pengangguran menurun.

Calon dapat memberikan definisi keluaran negara kasar potensi dan keluaran negara kasar sebenar dengan tepat. Namun terdapat juga beberapa kesalahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak memberikan perkataan akhir untuk kedua-dua definisi.
- Calon melabelkan paksi X sebagai pendapatan negara atau kuantiti dan paksi Y sebagai harga atau perbelanjaan agregat.
- Calon tidak melabelkan keluk KNK potensi dan KNK sebenar.
- Calon terbalik melabelkan keluk KNK potensi dan KNK sebenar.
- Calon melabelkan keluk KNK sebenar sebagai KNK benar.
- Calon tidak melabelkan paksi X (tahun).
- Calon melukis gambar rajah aliran pusingan pendapatan negara.
- Calon tidak merujuk tahun atau titik dengan tepat.
- Calon tidak menyatakan titik ke titik atau dari tahun ke tahun dengan tepat untuk huraian kemerosotan ekonomi, kemelesetan ekonomi, pemulihan ekonomi, dan pengembangan ekonomi.
- Calon tidak dapat membezakan pengangguran dan inflasi pada setiap kegiatan ekonomi dengan tepat contohnya tidak dapat membezakan pengangguran sangat tinggi, pengangguran meningkat, pengangguran menurun, dan pengangguran sangat rendah. Begitu juga untuk inflasi sangat tinggi, inflasi meningkat, inflasi menurun, dan inflasi sangat rendah.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan empat kegunaan data pendapatan negara.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (i) Untuk mengukur kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara

$$\text{Kadar pertumbuhan ekonomi} = \frac{(\text{KDNK benar } t - \text{KDNK benar } t-1)}{\text{KDNK benar } t-1} \times 100$$

Kadar pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat menggambarkan prestasi ekonomi yang semakin baik.

- (ii) Untuk mengukur taraf hidup

Taraf hidup rakyat sesebuah negara diukur dengan menggunakan pendapatan per kapita.

$$\text{Pendapatan per kapita} = \frac{\text{KDNK benar}}{\text{Jumlah penduduk}}$$

Semakin tinggi pendapatan per kapita, semakin tinggi taraf hidup.

- (iii) Untuk mengukur prestasi pelbagai sektor ekonomi

$$\text{Kadar pertumbuhan sektor 1} = \frac{[\text{Keluaran sektor 1 (t)} - \text{Keluaran sektor 1 (t-1)}]}{\text{Keluaran sektor 1 (t-1)}} \times 100$$

Kadar pertumbuhan sektor 1 yang semakin meningkat menggambarkan prestasi sektor ekonomi tersebut semakin baik.

- (iv) Untuk mengukur sumbangan sektor ekonomi

$$\text{Sumbangan sektor 1} = \frac{\text{Keluaran sektor 1}}{\text{KDNK}} \times 100$$

Sektor yang mempunyai peratusan tertinggi merupakan penyumbang utama kepada keluaran negara.

- (v) Untuk mengetahui perubahan struktur ekonomi

Berdasarkan data pendapatan negara mengikut kaedah keluaran untuk beberapa tahun atau dua tempoh masa, kita boleh mengetahui jika berlaku perubahan struktur ekonomi. Misalnya dari sektor pertanian kepada sektor pembuatan, jika sumbangan sektor pembuatan berubah mengatasi sektor pertanian atau dari sektor pembuatan kepada sektor perkhidmatan jika sumbangan sektor perkhidmatan berubah mengatasi sektor pembuatan.

- (vi) Untuk membuat perancangan ekonomi

Data pendapatan negara masa kini dan masa lepas dapat memberikan maklumat penting tentang ciri kegiatan ekonomi. Misalnya melalui kaedah perbelanjaan, terdapat ciri-ciri tertentu setiap nilai butiran C, I, G, X, dan M. Atau, dalam kaedah keluaran, sumbangan setiap sektor ekonomi dan kadar pertumbuhan setiap sektor ekonomi mempunyai ciri tertentu. Oleh itu, ia boleh dijadikan sebagai asas perancangan ekonomi pada masa depan.


Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon memberikan jawapan yang umum dan huraian tidak berkaitan dengan fakta yang diberikan.
- Calon memberikan rumus yang salah.
- Calon tidak meletakkan perkataan benar untuk mengukur kadar pertumbuhan ekonomi.
- Calon salah menulis rumus pendapatan per kapita contohnya: Pendapatan per kapita = Jumlah penduduk/KDNK benar.
- Calon memberikan rumus yang terbalik antara mengukur prestasi sektor ekonomi dengan mengukur sumbangan sektor ekonomi.
- Memberikan rumus yang salah untuk mengukur sumbangan sektor ekonomi. Contohnya menggunakan rumus, $\text{sumbangan sektor ekonomi} = \frac{\text{sektor ekonomi}}{\text{KDNK}} \times 100$.
- Calon memberikan huraian yang tidak lengkap contohnya pendapatan meningkat, taraf hidup meningkat. Sepatutnya pendapatan per kapita meningkat, taraf hidup meningkat.
- Sebahagian besar calon tidak dapat menghuraikan fakta untuk membuat perancangan ekonomi dengan baik. Calon tidak menyatakan masa kini dan masa depan serta tidak memberikan contoh yang lengkap.
- Sebahagian calon memberikan jawapan yang umum seperti untuk memperbaiki imbalan pembayaran, mengatasi masalah inflasi, dan pengangguran. Sebahagian calon menghuraikan masalah penghitungan pendapatan negara.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menerangkan kesan ke atas tingkat keseimbangan pendapatan negara sekiranya peningkatan jumlah eksport sama dengan peningkatan jumlah import dengan menggunakan gambar rajah pendekatan suntikan-bocoran dalam sebuah ekonomi terbuka.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:



Keseimbangan pendapatan negara berlaku apabila suntikan = bocoran, iaitu $I + G + X_0 = S + T + M_0$ di titik E_0 pada pendapatan negara Y_0 . Peningkatan eksport menyebabkan keluk suntikan beralih ke atas dari $I + G + X_0$ kepada $I + G + X_1$. Peningkatan import menyebabkan keluk bocoran beralih ke atas / ke kiri dari $S + T + M_0$ kepada $S + T + M_1$. Peningkatan jumlah eksport sama dengan peningkatan jumlah import menyebabkan saiz peralihan keluk suntikan dan keluk bocoran adalah sama. Keseimbangan baharu berlaku apabila suntikan = bocoran, iaitu $I + G + X_1 = S + T + M_1$ di titik E_1 pada pendapatan negara Y_0 . Peningkatan jumlah eksport sama dengan peningkatan jumlah import menyebabkan pendapatan negara tidak berubah.

Calon dapat melukis gambar rajah dengan tepat, melabelkan paksi dan keluk dengan betul seperti yang dikehendaki oleh soalan. Calon juga dapat menghuraikan gambar rajah dengan lengkap yang meliputi keseimbangan asal, peralihan keluk suntikan dan bocoran, peralihan keluk suntikan dan bocoran dengan saiz yang sama, keseimbangan baharu, pendapatan negara yang baharu, dan pendapatan negara tetap. Sebahagian besar calon dapat menghuraikan keseimbangan asal dengan baik. Namun, terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon semasa menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Calon salah melabelkan paksi terutama paksi suntikan, bocoran yang dilabelkan AE dan paksi pendapatan negara dilabelkan kuantiti.
- Calon meletakkan P (harga) pada paksi suntikan, bocoran.
- Calon melabelkan keluk suntikan, iaitu melabelkan keluk $I + G + X$ dengan komponen yang melibatkan ekonomi tiga sektor, iaitu $I + G$.
- Calon melabelkan keluk bocoran sebagai $S + T$ dan bukannya $S + T + M$.

- Calon melabelkan keluk secara bercampur dengan komponen AE seperti $C + I + G$ untuk keluk suntikan dan melabelkan keluk bocoran dengan $S + T + X$.
- Calon melukis keluk bocoran bermula dari positif.
- Calon melukis keluk suntikan yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- Calon salah mengalihkan keluk, iaitu mengalihkan keluk bocoran $S + T + M$ ke kanan.
- Terdapat calon yang melukis gambar rajah menggunakan pendekatan $AE-Y$ dan $AD-AS$.
- Sebahagian besar calon mengalihkan keluk suntikan dan bocoran dengan saiz yang tidak sama


Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan bagaimana keluk permintaan wang diterbitkan berdasarkan Teori Keutamaan Kecairan Keynes.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Keluk permintaan wang diterbitkan dengan menjumlahkan secara mendatar permintaan wang untuk urus niaga dan awasan ($M^d_{u/a}$) dan permintaan wang untuk spekulasi (M^d_s).

Keluk permintaan wang (M^d) menunjukkan hubungan antara kadar bunga dengan kuantiti wang.



(a) Permintaan wang untuk urus niaga dan awasan (b) Permintaan wang untuk spekulasi (c) Keluk permintaan wang

Gambar rajah (a) menunjukkan keluk permintaan wang untuk urus niaga dan awasan yang tidak dipengaruhi oleh kadar bunga. Sama ada kadar bunga tinggi pada 6% atau rendah pada 3%, permintaan wang untuk urus niaga dan awasan tidak berubah, iaitu tetap RM10 juta.

Gambar rajah (b) menunjukkan keluk permintaan wang untuk spekulasi yang dipengaruhi kadar bunga. Pada kadar bunga 6%, permintaan wang untuk spekulasi adalah sifar kerana semua orang membeli bon.

Gambar rajah (c) menunjukkan keluk permintaan wang. Pada kadar bunga 6%, permintaan wang ialah RM10 juta, iaitu daripada permintaan wang untuk urus niaga dan awasan RM10 juta ditunjukkan di titik a.

Apabila kadar bunga turun kepada 3%, permintaan wang ialah RM25 juta. Jumlah tersebut diperoleh setelah menjumlahkan permintaan wang untuk urus niaga dan awasan sebanyak RM10 juta dengan permintaan wang untuk spekulasi sebanyak RM15 juta, ditunjukkan di titik b. Dengan mencantumkan titik a dan titik b maka terbentuk keluk permintaan wang yang mencerun ke bawah.

Kebanyakan calon dapat melukis keluk permintaan wang untuk tujuan urus niaga dan awasan, keluk permintaan wang untuk tujuan spekulasi dan keluk permintaan wang dengan lengkap serta dapat melabelkan paksi dan keluk dengan betul. Calon juga dapat menerbitkan keluk permintaan wang dengan menggunakan dua tingkat kadar bunga yang berbeza. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon melabelkan paksi X sebagai kuantiti, pendapatan negara dan paksi Y sebagai harga.
- Calon tidak melabelkan keluk permintaan wang untuk tujuan urus niaga dan awasan, keluk wang permintaan untuk tujuan spekulasi dan keluk permintaan wang.
- Calon hanya menggunakan satu tingkat kadar bunga.
- Calon melukis keluk penentuan kadar bunga (M^d - M^s).
- Calon melukis keluk perubahan kadar bunga (peralihan keluk M^d atau M^s)
- Calon menerbitkan keluk permintaan agregat (AD) daripada keluk perbelanjaan agregat (AE)
- Calon silap dalam menerbitkan keluk permintaan wang (kesilapan mencampurkan permintaan wang untuk tujuan urus niaga dan awasan dan tujuan spekulasi).
- Calon tidak menghuraikan berkaitan dengan mencantumkan titik a dan titik b untuk menerbitkan keluk permintaan wang.
- Calon tidak menghuraikan bagaimana keluk permintaan wang diterbitkan, iaitu dengan menjumlahkan (secara mendatar) (atau contoh) permintaan wang untuk urus niaga dan awasan (M^d_u/a) dan permintaan wang untuk spekulasi (M^d_s).

Soalan 25

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan dari aspek penyimpanan rizab.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Menyimpan rizab berkanun. Merupakan peratusan bahagian deposit yang diterima oleh bank perdagangan yang wajib disimpan di bank pusat. Kadar atau nisbah rizab berkanun ditentukan oleh bank pusat.

Menyimpan rizab tunai. Merupakan peratusan bahagian deposit yang diterima oleh bank perdagangan yang wajib disimpan di bank itu sendiri atau di bank lain. Kadar atau nisbah rizab tunai ditentukan oleh bank pusat.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan dari aspek sumber pinjaman terakhir.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Bank pusat membantu bank perdagangan yang menghadapi masalah kecairan. Bank perdagangan akan meminjam wang daripada bank pusat dengan cagaran tertentu atau bank perdagangan dikenakan kadar diskaun yang rendah.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan dari aspek menjelaskan hutang antara bank.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Bank perdagangan mempunyai akaun di bank pusat. Bank pusat membantu urusan pembayaran hutang antara bank.

Calon dapat menyatakan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan dari aspek penyimpanan rizab, sumber pinjaman terakhir, dan menjelaskan hutang antara bank dengan baik. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menyatakan rizab berkanun dan rizab tunai (hanya menyatakan rizab sahaja).
- Calon tidak menyatakan peratusan tetapi hanya menyatakan jumlah deposit yang diterima oleh bank perdagangan.
- Sebahagian besar calon tidak menyatakan kadar/nisbah rizab berkanun dan rizab tunai ditentukan oleh bank pusat.
- Calon memberikan jawapan yang mengaitkan fakta yang salah antaranya melibatkan isi rumah membuat pinjaman.
- Calon tidak mengaitkan cagaran tertentu/dikenakan diskaun yang rendah/mendiskaunkan semula aset-aset kewangan apabila bank perdagangan membuat pinjaman daripada bank pusat.
- Calon tidak mengaitkan jawapan dengan mempunyai akaun (akaun penjelasan) di bank pusat.
- Calon menghuraikan seolah-olah bank pusat bertanggungjawab untuk menyelesaikan semua hutang bank perdagangan.

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menerangkan **empat** faedah yang diperoleh oleh sesebuah negara apabila menjalankan perdagangan antarabangsa.

Calon seharusnya memberikan mana-mana empat jawapan seperti yang berikut:

- (i) Mendapat barang yang tidak dikeluarkan dalam negara
Ini disebabkan oleh faktor pengeluaran yang berbeza atau iklim yang berbeza. Contohnya rakyat Malaysia mengimport anggur dari Amerika Syarikat manakala Amerika Syarikat mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia. Kesannya penduduk dapat menikmati pelbagai pilihan produk atau dapat meningkatkan cita rasa.
- (ii) Meluaskan pasaran
Pengeluar tempatan dapat mengeksport barang ke luar negara. Keluaran firma meningkat untuk kegunaan domestik dan keluaran berorientasikan eksport atau hasil firma bertambah atau guna tenaga bertambah.
- (iii) Penggunaan teknologi moden
Firma dapat menggunakan teknologi moden yang diimport dari negara maju. Daya pengeluaran meningkat atau kos seunit lebih rendah atau daya saing industri tempatan meningkat.
- (iv) Menikmati faedah pengkhususan
Pengkhususan membolehkan pengeluaran dijalankan secara besar-besaran. Firma menikmati ekonomi bidangan atau guna tenaga meningkat.

(v) Mempelbagaikan pilihan pengguna

Pengguna boleh mendapatkan produk yang berkualiti dengan harga yang lebih murah. Ini dapat meningkatkan kepuasan pengguna.

(vi) Mempelbagaikan sektor ekonomi

Negara boleh memajukan industri tempatan seperti industri pengeluaran barang domestik dan pertanian. Ini akan menyebabkan eksport negara meningkat, pendapatan negara meningkat, dapat memperbaiki imbalan pembayaran.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak menyatakan faktor pengeluaran yang berbeza atau iklim berbeza bagi fakta mendapat barang yang tidak dikeluarkan dalam negara. Calon hanya memberikan contoh atau kesan sahaja. Sebahagian calon memberikan contoh atau kesan yang terlalu umum.
- Calon tidak mengaitkan pengeluar tempatan dapat mengeksport barang ke luar negara dan juga tidak mengaitkannya dengan kesan daripada peluasan pasaran bagi fakta meluaskan pasaran.
- Hanya sebahagian kecil calon memberikan fakta mempelbagaikan sektor ekonomi namun calon tidak dapat menghuraikannya dengan baik.
- Bagi fakta penggunaan teknologi moden, sebahagian besar calon tidak menghuraikan kesannya.
- Sebahagian besar calon tidak dapat menghuraikan fakta menikmati faedah pengkhususan dengan baik. Calon tidak mengaitkannya dengan pengeluaran secara besar-besaran dan firma menikmati ekonomi bidangan atau guna tenaga meningkat.

Soalan 27

Soalan (a) menghendaki calon menghitung imbalan dagangan dari tahun 2013 hingga tahun 2015.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Butiran	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)	2015 (RM juta)
Eksport barang	637 683	678 865	685 398
Tolak import barang	– 541 131	– 565 538	– 575 849
Imbalan dagangan	96 552	113 327	109 549

Soalan (b) menghendaki calon menghitung akaun semasa dari tahun 2013 hingga tahun 2015.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Butiran	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)	2015 (RM juta)
Imbalan dagangan	96 552	113 327	109 549
Imbalan perkhidmatan	–9592	–10 706	–20 985
Pendapatan primer	–33 975	–36 624	–32 011
Pendapatan sekunder	–17 498	–17 443	–21 896
Akaun semasa	35 487	48 554	34 657

Soalan (c) menghendaki calon menerangkan arah aliran imbalan dagangan dan arah aliran akaun semasa dari tahun 2013 hingga tahun 2015.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Arah aliran akaun semasa meningkat pada tahun 2014 dan menurun pada tahun 2015.

Soalan (d) menghendaki calon memberikan sebab akaun pendapatan primer mengalami defisit yang besar dari tahun 2013 hingga tahun 2015.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Defisit yang besar dalam akaun pendapatan primer disebabkan oleh:

- (i) Pampasan pekerja. Pekerja asing membawa keluar pendapatan yang diterima ke negara asal lebih besar daripada pekerja Malaysia membawa balik pendapatan dari luar negara.
- (ii) Pendapatan pelaburan. Keuntungan pelaburan asing dibawa pulang ke negara asal lebih besar daripada keuntungan pelaburan yang dibawa masuk oleh pelabur Malaysia dari luar negara.

Kebanyakan calon dapat menghitung dengan betul menggunakan rumus yang betul dan memberikan jawapan dengan menggunakan unit yang betul. Namun, terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon menghitung imbalan dagangan dengan menggunakan rumus imbalan akaun semasa.
- Calon tidak meletakkan unit RM atau juta atau RM juta.
- Calon tidak mengaitkan pendapatan yang dibawa keluar dan pendapatan yang dibawa masuk atau keuntungan pelaburan asing yang dibawa pulang dengan keuntungan pelaburan yang dibawa masuk.
- Calon hanya menyatakan aliran keluar wang lebih besar daripada aliran masuk wang.
- Calon mengaitkan jawapan dengan sektor ekonomi primer, sekunder dan tertier.

Soalan 28

Soalan (a) menghendaki calon menghitung kecenderungan menabung sut.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}MPS &= \frac{-750 - (-1000)}{2000 - 1000} \\&= \frac{250}{1000} \\&= 0.25\end{aligned}$$

Soalan (b) menghendaki calon menerbitkan fungsi tabungan dalam sebutan pendapatan negara (Y).

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}S &= -a + MPS(Y) \\-1000 &= -a + 0.25(1000) \\-1000 - 250 &= -a \\-1250 &= -a \\S &= -1250 + 0.25Y\end{aligned}$$

Soalan (c) menghendaki calon menerbitkan fungsi tabungan selepas cukai dalam sebutan pendapatan negara (Y) sekiranya kerajaan mengenakan cukai sebanyak RM200 juta.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} S &= -1250 + 0.25(Y - T) \\ &= -1250 + 0.25(Y - 200) \\ &= -1250 + 0.25Y - 50 \\ S &= -1300 + 0.25Y \end{aligned}$$

Soalan (d) menghendaki calon menghitung pendapatan negara pada tingkat keseimbangan sekiranya pelaburan ialah RM450 juta dan perbelanjaan kerajaan ialah RM300 juta.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Suntikan = bocoran	$AE-Y$
$I + G = S + T$ $450 + 300 = -1300 + 0.25Y + 200$ $750 + 1100 = 0.25Y$ $0.25Y = 1850$ $Y = \text{RM}7400 \text{ juta}$	$Y = C + I + G$ $= 1250 + 0.75(Y - 200) + 450 + 300$ $= 2000 + 0.75Y - 150$ $0.25Y = 1850$ $Y = \text{RM}7400 \text{ juta}$

Kebanyakan calon dapat menghitung dengan betul menggunakan rumus yang betul dan memberikan jawapan dengan menggunakan unit serta membundarkan jawapan kepada dua tempat perpuluhan. Namun begitu, terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon menggunakan rumus yang salah. Antara rumus yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

$$\text{MPS} = \frac{\text{perubahan pendapatan negara}}{\text{perubahan tabungan}}$$

$$\text{MPS} = \frac{\text{perubahan penggunaan}}{\text{perubahan pendapatan negara}}$$

- Calon meletakkan unit RM atau juta pada jawapan akhir soalan 28 (a).
- Calon memberikan jawapan kecenderungan mengguna sut.
- Calon menggunakan fungsi yang salah. Antara fungsi yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

$$S = -a + bY$$

$$S = a + bY$$

$$S = a + (1-b)Y$$

- Calon memberikan jawapan akhir dalam sebutan Y_d .
- Kesilapan menerbitkan fungsi tabungan pada jawapan (b) menyebabkan calon juga silap semasa menerbitkan fungsi tabungan selepas cukai.
- Sebahagian calon tidak menerbitkan fungsi tabungan selepas cukai sebaliknya menghitung tingkat keseimbangan pendapatan negara.

- Calon menerbitkan fungsi tabungan selepas cukai dalam sebutan Y_d .
- Sebahagian calon silap dalam menghitung di bahagian yang melibatkan cukai (tidak menolak Y_d dengan T).
- Kesilapan menerbitkan fungsi bocoran pada soalan (a) dan (b) menyebabkan calon tidak dapat menghitung pendapatan negara pada tingkat keseimbangan dengan tepat.
- Kesilapan yang paling banyak ialah di bahagian yang melibatkan cukai ($Y - T$).
- Sebahagian calon tidak meletakkan unit RM/juta/RM juta.

Soalan 29

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan negara yang mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran makanan dan pakaian.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Negara A mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran makanan dan pakaian.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung kos lepas pengeluaran makanan di negara A dan kos lepas pengeluaran makanan di negara B.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Negara A: } \frac{1500}{500} = 3$$

$$1 \text{ makanan} = 3 \text{ pakaian}$$

$$\text{Negara B: } \frac{400}{400} = 1$$

$$1 \text{ makanan} = 1 \text{ pakaian}$$

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan negara yang mempunyai faedah berbanding dalam pengeluaran makanan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Negara B mempunyai faedah berbanding dalam pengeluaran makanan kerana kos lepas pengeluaran makanan negara B relatif lebih rendah atau lebih murah berbanding dengan negara A.

Soalan (b)(iii) menghendaki calon menyediakan jadual pengeluaran makanan dan pakaian di negara A dan di negara B selepas pengkhususan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Negara	Pengeluaran	
	Makanan (kg)	Pakaian (helai)
A	0	1500×20
B	400×20	0
Jumlah	8000	30 000

Soalan (c) menghendaki calon menyediakan jadual penggunaan dan pengeluaran negara A dan negara B selepas berlaku perdagangan antarabangsa jika kedua-dua negara bersetuju untuk berdagang pada kadar pertukaran seunit makanan bersamaan dengan 2 unit pakaian (1 makanan : 2 pakaian).

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Negara	Pengeluaran	
	Makanan (kg)	Pakaian (helai)
A	5000	$(30\ 000 - 10\ 000) = 20\ 000$
B	$(8000 - 5000) = 3000$	$(5000 \times 2) = 10\ 000$
Jumlah	8000	30 000

Kebanyakan calon dapat menghitung kos lepas dengan menggunakan rumus yang betul dan memberikan jawapan akhir dengan betul. Calon juga dapat membuat jadual yang lengkap dengan menggunakan unit yang betul, iaitu kg dan helai. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon memberikan jawapan terbalik, iaitu negara B yang mempunyai faedah mutlak dalam pengeluaran makanan dan pakaian.
- Calon menggunakan rumus yang terbalik dan mendapat jawapan yang sebaliknya.
- Calon tidak menyatakan 1 unit makanan bersamaan dengan berapa unit pakaian.
- Sebahagian calon memberikan jawapan yang betul bagi negara B tetapi calon tidak dapat memberikan sebab dengan betul, iaitu kos lepas yang lebih rendah.
- Calon tidak mendarabkan dengan 20 unit buruh.
- Kesilapan pada jawapan (b) (iii) menyebabkan jawapan (c) juga salah. Calon tersilap dalam memahami pernyataan yang diberikan, iaitu 1 makanan: 2 makanan dan jumlah makanan yang diperlukan oleh negara A ialah 5000 kg.
- Calon tidak meletakkan jumlah pada jawapan (b)(iii) dan pada jawapan (c).

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3 bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 10 619 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 53.18%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	23.63	3.72	3.92	3.84	4.22	9.25	4.60	4.51	9.25	4.09	28.98

RESPONS CALON

ESEI DAN KUANTITATIF

Komen am

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah memuaskan. Sebahagian kecil sahaja calon yang dapat memberikan jawapan dengan baik berdasarkan soalan-soalan yang diberikan pada bahagian A. Sebahagian lagi calon tidak dapat memberikan jawapan dengan baik. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Namun kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik pada bahagian B, iaitu soalan kuantitatif.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Esei

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan bagaimana dasar kewangan dapat mengurangkan masalah pengangguran.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Masalah pengangguran dapat dikurangkan melalui dasar kewangan mengembang. Bank pusat menambahkan bekalan wang atau menurunkan kadar bunga atau menurunkan kadar dasar semalaman. Pelaburan dan penggunaan meningkat. Ini akan meningkatkan perbelanjaan agregat (AE) atau permintaan agregat (AD). Pendapatan negara bertambah atau kegiatan ekonomi berkembang. Akhirnya peluang pekerjaan bertambah, pengangguran berkurang.

Kebanyakan calon yang dapat menjawab soalan ini ialah calon yang memahami proses transmisi dasar kewangan yang boleh mengatasi masalah pengangguran. Calon yang cemerlang dapat memahami proses yang pertama, iaitu pelaksanaan dasar kewangan yang longgar atau mengembang serta mengaitkannya dengan alat dasar kewangan yang bersesuaian. Seterusnya, calon juga berjaya menerangkan proses transmisi dasar kewangan mengembang yang berikutnya sehinggalah masalah pengangguran berjaya diatasi.

Calon yang sederhana dapat memberikan sekurang-kurangnya isi yang berikut:

- (i) Peningkatan bekalan atau penawaran wang
- (ii) Pelaburan meningkat
- (iii) *AD* atau *AE* meningkat

Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini. Calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat dan memberikan huraian yang tidak relevan dengan fakta.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak dapat membezakan alat dasar kewangan dengan alat dasar fiskal bagi mengatasi masalah pengangguran.
- Calon menerangkan alat dasar fiskal, iaitu langkah kerajaan menambah perbelanjaan kerajaan dan menurunkan cukai akan menyebabkan firma menambah keluaran dan dapat mengatasi masalah pengangguran. Ini menyebabkan jawapan calon salah fakta induk yang menyebabkan calon hilang semua markah.
- Calon mengaitkan dasar kewangan, seperti amalan dasar fiskal yang membolehkan kerajaan menambah peluang pekerjaan, memberikan latihan kemahiran, memberikan bantuan subsidi kepada firma dan sebagainya untuk mengatasi masalah pengangguran.
- Calon mengaitkan pertambahan *AD* menyebabkan firma menambah pengeluaran (konsep mikroekonomi) dan pengangguran dapat diatasi. Jawapan yang diberikan sepatutnya dalam konsep makroekonomi, iaitu pendapatan atau keluaran negara.
- Calon tidak menerangkan apa-apa yang menggambarkan pendapatan negara bertambah dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan, pengangguran dapat diatasi.
- Calon menghuraikan fakta induk atau fakta utama kurang tepat, iaitu dasar fiskal adalah alat yang digunakan untuk mengatasi masalah pengangguran ialah meningkatkan perbelanjaan kerajaan dan mengurangkan cukai.
- Calon menghuraikan dasar kewangan menguncup untuk mengatasi masalah pengangguran. Ini menyebabkan huraian calon semuanya salah.

Soalan 2

Soalan (a)(i) menghendaki calon menyatakan jenis inflasi berdasarkan pernyataan yang telah diberikan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Inflasi diimport

Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul. Walau bagaimanapun, banyak juga calon yang memberikan jawapan inflasi tarikan permintaan dan inflasi tolakan kos. Jawapan ini salah dan calon kehilangan markah.

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan bagaimana inflasi tersebut berlaku.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Inflasi diimport berlaku kerana kejatuhan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan kos mengimport menjadi semakin mahal. Akibatnya pengeluar atau pengimport akan menaikkan harga barang domestik untuk mengimbangi kenaikan kos pengeluaran atau kos mengimport.

Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan tepat. Mereka tidak boleh mengaitkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia dengan harga barang. Ramai calon yang menghuraikan inflasi diimport berlaku kerana berlakunya inflasi di negara pengekspor. Calon tidak mengaitkan jawapan dengan pernyataan yang telah diberikan. Calon juga kehilangan markah apabila tidak menyatakan kenaikan kos mengimport mendorong pengeluaran menaikkan harga barangan domestik.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan kesan inflasi kepada penghutang, pemiutang, dan pesara.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Penghutang mengalami keuntungan kerana nilai benar pinjaman berkurangan. Pemiutang mengalami kerugian kerana nilai benar pinjaman merosot. Pesara mengalami kerugian kerana pendapatan benar berkurangan.

Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan tepat. Calon tidak menyatakan perkataan benar dalam huraian.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **dua** langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan galakan eksport.

Calon seharusnya memberikan mana-mana **dua** jawapan seperti yang berikut:

- Pengecualian cukai eksport atau duti eksport atau cukai keuntungan syarikat
- Potongan cukai berganda untuk promosi eksport perkhidmatan
- Pemberian subsidi eksport
- Pemberian elaun bangunan industri
- Pengecualian duti kastam
- Promosi eksport oleh agensi kerajaan seperti Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE)
- Pemberian kredit oleh Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Pemberian taraf perintis kepada pelabur asing
- Kawasan perdagangan bebas seperti Free Trade Area (FTA)
- Zon perdagangan bebas seperti Free Trade Zon (FTZ)

Sebahagian kecil calon sahaja dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon mengemukakan langkah dasar penggantian import dan bukan langkah galakan eksport seperti pemberian insentif fiskal dan insentif kewangan. Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan langkah kerajaan menggalakkan perdagangan antarabangsa. Jawapan begini tidak tepat.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menerangkan maksud dasar penggantian import.

Calon seharusnya memberikan mana-mana **dua** jawapan seperti yang berikut:

Dasar penggantian import ialah langkah kerajaan mengurangkan penggantungan negara terhadap barangan import dengan mengembangkan industri penggantian import tempatan.

Kebanyakan calon dapat memberikan definisi dengan baik. Namun terdapat juga calon yang memberikan definisi yang tidak tepat, iaitu dasar penggantian import ialah dasar kerajaan menggantikan barangan import dengan barangan tempatan atau dengan barangan eksport.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menyatakan **tiga** langkah kerajaan untuk melaksanakan dasar penggantian import.

Calon seharusnya memberikan mana-mana **tiga** jawapan seperti yang berikut:

- Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- Mengembangkan industri tempatan untuk menggantikan import
- Mewujudkan zon industri di kawasan terpilih
- Pemberian insentif fiskal dan insentif kewangan
- Pengimportan teknologi asing sebagai input untuk mengembangkan industri penggantian import tempatan
- Pemberian elaun cukai pelaburan
- Melaksanakan sekatan import, seperti tarif, kuota, dan lain-lain sekatan). Embargo tidak diterima.
- Pemberian subsidi kepada firma domestik atau pengeluar domestik.

Terdapat calon yang memberikan jawapan yang terlalu umum dan tidak tepat seperti yang berikut:

- (i) Meningkatkan kemahiran buruh
- (ii) Memberi pinjaman
- (iii) Bantuan kewangan untuk mengembangkan perniagaan
- (iv) Program rantaian industri
- (v) Program pembangunan infrastruktur

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas harga eksport.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Harga eksport relatif lebih murah.

Walaupun ramai calon yang dapat menjawab soalan dengan betul. Namun terdapat juga calon yang memberikan jawapan harga eksport menjadi murah, tanpa perkataan relatif dalam jawapan. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas harga import.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Harga import relatif lebih mahal.

Walaupun ramai calon yang dapat menjawab soalan dengan betul, namun terdapat juga calon yang memberikan jawapan harga import menjadi mahal, tanpa perkataan relatif dalam jawapan. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas daya saing eksport negara.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Harga eksport yang relatif lebih murah menyebabkan eksport negara lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa atau daya saing eksport negara meningkat. Permintaan terhadap barangan eksport semakin meningkat. Pengeluar sektor eksport akan meningkatkan pengeluaran barang. Maka eksport bertambah. Eksport bersih meningkat atau akaun semasa bertambah baik atau akaun dagangan bertambah baik atau imbalan pembayaran bertambah baik.

Walaupun kehendak soalan ialah daya saing eksport, tetapi terdapat calon yang menjawab soalan dari segi import. Calon menghuraikan harga import secara relatif lebih mahal maka import merosot. Jawapan ini tidak menepati kehendak soalan. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan dalam keadaan terbalik, iaitu daya saing eksport merosot dan permintaan eksport merosot dan eksport bersih bertambah buruk.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari aspek kekurangan teknologi.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Teknologi PKS rendah disebabkan teknik pengeluaran berintensifkan buruh dan masih menggunakan kaedah tradisional dalam sesuatu peringkat pengeluaran. Ini menyebabkan kos pengeluaran seunit lebih tinggi maka PKS hanya mampu mengeluarkan keluaran sedikit berbanding dengan perniagaan besar.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang tidak jelas, seperti teknologi PKS rendah menyebabkan PKS tidak mampu mengeluarkan keluaran dengan banyak. Calon sepatutnya menyatakan teknologi PKS rendah kerana menggunakan mesin yang usang atau kurang canggih.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari aspek kekurangan bahan mentah.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

PKS tidak mampu bersaing dengan perniagaan besar yang dapat membeli bahan mentah pada harga yang murah secara pukal. PKS juga tidak mampu membeli dengan kuantiti yang banyak kerana menghadapi masalah penyimpanan stok dan kekurangan modal. Maka PKS terputus bekalan bahan mentah menyebabkan pengeluaran terjejas.

Kebanyakan calon memberikan jawapan tidak jelas. Calon hanya menyatakan PKS sukar mendapat bahan mentah. Calon tidak menyatakan sebab PKS sukar mendapat bahan mentah.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari aspek kekurangan buruh mahir.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Pekerja PKS kebanyakannya terdiri daripada kalangan ahli keluarga atau pekerja yang tidak mahir. PKS tidak mampu untuk mengupah buruh mahir atau buruh mahir bertumpu dalam industri besar. Kesannya produktiviti atau keluaran PKS adalah rendah atau PKS sukar berkembang atau berlaku ketidakcekapan pengeluaran.

Terdapat calon yang mengaitkan masalah kekurangan kemahiran buruh dengan kedudukan PKS di kawasan kampung atau pedalaman. Jawapan ini tidak tepat.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud pekali Gini.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Pekali Gini ialah satu ukuran ketidaksetaraan atau ketaksamaan agihan pendapatan. Nilai pekali Gini berada antara 0 hingga 1, iaitu apabila nilai pekali menghampiri 1 menunjukkan agihan pendapatan tidak seimbang manakala nilai pekali Gini menghampiri 0 menunjukkan agihan pendapatan saksama.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan sumber pendapatan yang diperoleh berdasarkan situasi yang diberikan.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (i) Harta pusaka. Namun terdapat sebilangan kecil calon yang memberikan jawapan wasiat, bayaran pindahan, dan perolehan pindahan. Jawapan ini salah.
- (ii) Bayaran pindaahan. Namun terdapat sebilangan kecil calon yang memberikan jawapan subsidi, biasiswa, dan pendapatan bukan upah. Jawapan ini salah.
- (iii) Untung. Namun terdapat sebilangan kecil calon yang memberikan jawapan dividen, ganjaran, upah, dan pendapatan bukan upah. Jawapan ini salah.
- (iv) Sewa. Namun terdapat sebilangan kecil calon yang memberikan jawapan untung dan pendapatan bukan upah. Jawapan ini salah.

BAHAGIAN B: Kuantitatif

Soalan 7

Soalan (a)(i) menghendaki calon menghitung kadar inflasi pada tahun 2013 dan pada tahun 2014.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\text{Kadar inflasi} = \frac{(\text{IHP } t - \text{IHP}_{t-1})}{\text{IHP}_{t-1}} \times 100$$

Tahun	Kadar inflasi (%)
2013	$\frac{(112.1 - 111.6)}{111.6} \times 100$ = 0.45
2014	0.98

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan arah aliran kadar inflasi pada tahun 2013 dan pada tahun 2014.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Kadar inflasi telah meningkat daripada 0.45% pada tahun 2013 kepada 0.98% pada tahun 2014.

Soalan (a)(iii) menghendaki calon menjelaskan kesan inflasi tersebut terhadap kuasa beli pengguna berdasarkan jawapan di (a)(i) dan di (a)(ii).

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Kuasa beli pengguna semakin rendah atau terjejas. Inflasi telah mengurangkan pendapatan benar pengguna.

Soalan (b)(i) menghendaki calon menghitung upah benar pekerja tersebut pada tahun 2013 dan pada tahun 2014.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Tahun	Upah benar
2013	$\frac{100}{112.1} \times \text{RM}3000 = \text{RM}2676.18$ $= 0.45$
2014	$\frac{100}{113.2} \times \text{RM}3500 = \text{RM}3091.87$ $= 0.45$

Soalan (b)(ii) menghendaki calon membandingkan peningkatan upah benar dengan peningkatan upah nominal berdasarkan jawapan di (b)(i).

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Upah benar meningkat sebanyak RM415.69 lebih rendah berbanding dengan upah nominal yang meningkat sebanyak RM500.

Kebanyakan calon dapat menghitung kadar inflasi pada tahun 2013 dan pada tahun 2014 dengan tepat. Calon juga dapat menjelaskan arah aliran kadar inflasi dengan tepat dan berjaya menjelaskan kesan inflasi terhadap kuasa beli pengguna serta berjaya menghitung upah benar pekerja bank akhirnya berjaya membandingkan peningkatan upah benar dengan peningkatan upah nominal dengan tepat. Namun terdapat juga beberapa kelemahan calon semasa menjawab soalan ini.

Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak membundarkan jawapan kepada dua tempat perpuluhan. Calon memberikan jawapan 0.44% bagi kadar inflasi pada tahun 2013. Ini menyebabkan calon kehilangan markah.
- Kebanyakan calon menjelaskan kuasa beli pengguna menurun disebabkan oleh harga barang meningkat, maka kos sara hidup meningkat, dan taraf hidup merosot. Jawapan ini tidak tepat.
- Calon memberikan jawapan dalam satu tempat perpuluhan sahaja seperti RM2676.2 dan RM3091.9.

Soalan 8

Soalan (a)(i) menghendaki calon menghitung jumlah penganggur pada tahun 2012 dan pada tahun 2013.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah penganggur 2012} &= \text{Tenaga buruh} - \text{Jumlah penduduk bekerja} \\ &= 13\,221.7 - 12\,820.5 \\ &= 401.2 \text{ ribu orang} \\ 2013 &= 435.1 \text{ ribu orang}\end{aligned}$$

Soalan (a)(ii) menghendaki calon menghitung kadar pengangguran pada tahun 2012 dan pada tahun 2013.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Kadar pengangguran} &= \frac{\text{jumlah penganggur}}{\text{jumlah tenaga buruh}} \times 100 \\ 2012 &= \frac{401.2}{13\,221.7} \times 100 \\ &= 3.03\% \\ 2013 &= 3.11\%\end{aligned}$$

Soalan (a)(iii) menghendaki calon menerangkan arah aliran kadar pengangguran.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Arah aliran kadar pengangguran meningkat

Soalan (a)(iv) menghendaki calon menjelaskan sama ada guna tenaga penuh telah tercapai pada tahun 2012.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

Ya, kerana kadar pengangguran kurang daripada 4%.

Soalan (b) menghendaki calon menghitung kadar pertumbuhan guna tenaga pada tahun 2015.

Calon seharusnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

$$\begin{aligned}\text{Kadar pertumbuhan guna tenaga} &= \frac{14\,067.7}{13\,852.6} - 1 \times 100 \\ &= 1.55\%\end{aligned}$$

Kebanyakan calon boleh menjawab soalan dengan betul. Namun terdapat juga calon yang tidak memberikan perkataan ribu orang pada jawapan (a)(i). Selain itu terdapat juga calon yang memberikan jawapan 401.2 orang dan 435.1 orang. Jawapan ini adalah salah.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)